

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAQ
[Lubok Antu]**

TARIKH : 16.03.2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 67

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bagaimana pembahagian peruntukan projek menaik taraf jalan-jalan balak dapat dibahagikan mengikut kawasan Parlimen yang ada jalan balak di seluruh Sarawak kerana pelaksanaan peruntukan tahun 2014 tidak menampakkan sebarang peruntukan di kawasan Parlimen Lubok Antu.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penyenaiaan kawasan yang terlibat bagi pelaksanaan projek naik taraf bekas jalan-jalan balak negeri Sarawak pada tahun 2014 dibuat berdasarkan senarai keutamaan yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Tanggungjawab pihak Kementerian adalah memohon kelulusan pelaksanaan projek dan peruntukan dengan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) berdasarkan senarai yang telah diberikan manakala agihan peruntukan pula dibuat berdasarkan kelulusan yang telah diterima. Berdasarkan senarai yang telah diterima, kawasan Parlimen Lubok Antu tiada dalam senarai keutamaan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah menyenaraikan Sebeliau/Uyau, Bahagian Sri Aman dalam Projek Menaiktaraf Bekas Jalan-Jalan Balak Negeri Sarawak Bagi Tahun 2015 (Fasa III).